

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan minta status terkini laporan hala tuju PRIMA dan senarai tindakan segera yang telah digariskan berdasarkan laporan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri melalui Mesyuarat pada 3 Ogos 2018 telah memutuskan agensi-agensi perumahan iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai usaha rasionalisasi entiti perumahan negara.

2. Oleh itu, KPKT telah melaksanakan pengauditan (*due-diligence*) pengurusan dan kewangan ke atas agensi rasionalisasi perumahan ini melalui pihak perunding yang telah dilantik oleh Kerajaan. Pelaksanaan pengauditan (*due-diligence*) ini merupakan satu keperluan mendesak dalam usaha menjayakan rasionalisasi perumahan negara dalam mengenal pasti kedudukan semasa setiap agensi serta cadangan struktur *business* model baru bagi agensi berkenaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil pengauditan (*due-diligence*) terhadap polisi, kewangan *dan business model* PR1MA mendapati PR1MA perlu membaiki kedudukan kewangan untuk meneruskan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan. Oleh yang demikian, daripada 131 fasa projek yang telah dirancang dengan nilai RM25.64 bilion, sebanyak 56 fasa projek dibatalkan iaitu bernilai RM9.98 bilion. Hasil penilaian yang telah dibuat menunjukkan hanya 75 fasa projek dapat diteruskan. Status kemajuan di tapak untuk semua projek ini melebihi 50% pembinaan dan mempunyai Lesen Pemajuan Perumahan Dan Permit Iklan Jualan (APDL).

Sekian, terima kasih.